

27 FEB 2001

BFA-MAHATHIR

MAHATHIR CADANGKAN PERLAKSANAAN KERANGKA CUKAI

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan sebuah agensi diwujudkan di bawah pemerhatian Bangsa-bangsa Bersatu (UN) bagi mengutip cukai daripada negara-negara kaya supaya dana-dana ini boleh digunakan membiayai program-program infrastruktur di negara-negara yang miskin.

Dr Mahathir berkata kos infrastruktur terlalu tinggi dan negara-negara miskin mungkin tidak mampu membina infrastrukturnya sendiri.

Memandangkan bantuan pembangunan asing masih lagi tidak mencukupi, sumber dana baru dan boleh diharapkan mesti diwujudkan, kata beliau dalam ucap tama pada majlis Forum Boao untuk Asia (BFA) di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis yang diadakan di Boao Plaza itu ialah Presiden China Jiang Zemin dan ketua setiausaha BFA Tan Sri Ajit Singh.

Dr Mahathir berkata, apa yang beliau dicadangkan itu hanya membabitkan kos yang kecil ke atas negara-negara kaya, tetapi faedahnya amat besar kepada yang miskin, dan mungkin mampu memperkayakan lagi negara kaya.

"Tidak dapat dinafikan yang cukai yang dikenakan ke atas negara-negara kaya boleh membantu menebarkan kekayaan kepada mereka yang miskin.

Memandangkan sebahagian daripada kekayaan itu hasil daripada eksploitasi sumber-sumber negara miskin, adalah adil mereka memulangkan sedikit pulangan (keuntungan) mereka kepada negara miskin berkenaan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata negara kaya mungkin tertanya-tanya atas dasar moral atau perundangan apakah percukaian dikenakan ke atas mereka.

Dalam pada itu, beliau berkata, negara yang kaya telah menggesa negara-negara miskin membuka ekonomi untuk mereka (negara kaya) untuk dieksploitasi.

"Sudah tentu mereka (yang kaya) boleh berhujah mengatakan kemasukan modal ke dalam negara-negara miskin memberi manafaat kepada mereka. Saya tidak begitu pasti. Pengalaman Malaysia ialah modal boleh juga mengalir keluar dan jika ini berlaku berulang kali, ekonomi boleh runtuh. Dalam apa-apa kes jua, globalisasi dunia akan hanya memberi keuntungan kepada Si-Kaya."

Perdana Menteri menegaskan jika Malaysia boleh menerima globalisasi dan kewujudan tanpa sempadan, sudah tentu negara-negara kaya juga sepatutnya menerima ide percukaian antarabangsa dalam usaha membantu dunia miskin.

Dengan adanya agensi seumpama itu, Dr Mahathir berkata, maka negara miskin tidak akan mempunyai tanggungan hutang untuk dibayar ataupun mereka tidak mungkin akan menyalahgunakan dana-dana mereka kerana projek-projek infrastruktur akan diputuskan (dimuktamadkan) oleh agensi antarabangsa dengan dibantu oleh para pakar.

"Sudah tiba masanya bagi dunia memikirkan untuk mengenakan cukai ke atas negara-negara kaya dalam skel yang kecil sebagai usaha mengumpul dana yang cukup bagi membiayai pembinaan infrastruktur negara-negara miskin," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, asas penilaian boleh diusahakan dan dipersetujui bagi membolehkan agensi yang dicadangkan itu mengumpul dan memantau pendapatan, sekaligus melaksanakan projek yang telah dipersetujui.

"Sudah tentu, agensi itu mestilah dipilih secara demokratik oleh UN, begitu juga dengan kakitangan awam antarabangsa yang terpilih. Ianya tidak akan dikuasai oleh mana-mana negarapun," kata beliau.

Oleh kerana pinjaman dan bantuan asing gagal, beliau berkata, hanya program pembangunan infrastruktur antarabangsa menerusi percukaian

antarabangsa dan hanya menjurus kepada membina infrastruktur yang diperlukan, boleh membantu mengatasi gejala kemiskinan sesebuah negara beserta dengan rakyatnya.

Dr Mahathir berkata, dunia tidaklah sekaya seperti yang dilihat hari ini, tetapi adalah sesuatu yang tidak bermoral yang sebuah dunia yang kaya mempunyai penduduk dan negara yang teramat miskin.

Perdana Menteri berkata usaha-usaha serius mesti dilaksanakan bagi menghapus kemiskinan seluruh dunia dalam abad ke-21.

Di Malaysia, beliau berkata, tiada kemiskinan yang mutlak sementara kemiskinan secara relatifnya adalah minimal.

Dr Mahathir berkata, dunia yang global yang sebenarnya merupakan dunia untuk bangsa, tidak patut membiarkan mereka yang kaya mengeksploitasi pembukaan sempadan tanpa menuntut pembayaran.

"Dunia untuk bangsa tidak akan memberi makna apa-apa jika yang kaya boleh membuat lebih banyak wang tetapi dikecualikan daripada cukai," kata beliau.

Contohnya, beliau berkata, jika satu hari dunia perlu berperang dengan planet yang lain, "tidakkah kita terfikir yang semua orang terlibat untuk melindungi dunia?"

"Jika semua orang, termasuklah yang miskin, berganding bahu, tidakkah mereka layak untuk mendapat sedikit kekayaan dalam dunia ini?" soal Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, BFA patut diberi tanggungjawab mengkaji globalisasi dan dunia tanpa sempadan, demokrasi dan hak-hak manusia, kawal selia yang baik, korupsi dan kroni dan semua idea-idea baru yang mana kita di Asia ini dijangka menerima dan mengamalkannya.

"Kita patut mengkajinya secara mendalam kerana ia bukan sempurna dan perlu diperbaiki lagi. Kita patut bersedia untuk membetulkannya, menyesuaikan, ataupun menolaknya jika kita rasa mereka tidak memberi apa-apa manfaat."

Orang-orang Asia, Dr Mahathir berkata, mempunyai hak berfikir untuk diri sendiri dan tidak patut pasif kepada ide-ide bukan Asia.

"Mereka mesti timbulkan ide-ide mereka dengan keyakinan dan tanpa ragu-ragu. Setiap ide kita adalah sebagus atau setanding dengan ide yang lain. Ide-ide ini mungkin bagus bukan sahaja untuk kita tetapi untuk dunia juga," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata Asia tidak sepatutnya menolak ide dan ideologi bukan Asia tetapi kita mesti ingat yang mereka ini (bukan Asia) tidak selalunya sempurna.

"Terpulang kepada keegoaan bagi sesiapa untuk mendakwa nilai-nilai mereka adalah nilai universal. Nilai-nilai Asia juga boleh jadi nilai-nilai universal. Kita mesti sahut cabaran itu dan buktikannya."

Mengenai BFA, Dr Mahathir berkata, beliau percaya yang forum itu memberi manfaat kepada Asia dan juga dunia menghadapi tahun-tahun yang mencabar di abad 21 ini.

Beliau berkata Asia dan orang Asia mempunyai masa depan yang cerah di dalam abad 21 tetapi cepat-cepat menambah yang orang Asia tidak akan menguasai dunia.

"Abad ke-21 akan menjadi abad dunia. Tetapi, Asia mesti memainkan peranan penting dalam mewujudkan abad dunia ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata BFA akan menjadi pendorong jika ide-ide menarik boleh dihasilkan daripada mesyuarat dan perbincangan yang diadakan. --

BERNAMA

SHY MKO SEL AA OS